

# 'Beta bertuah menerima khidmat Abdullah, Dr. M'

UM-10/12/2006

**KUALA LUMPUR 9 Dis.** - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail menyifatkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai dua pemimpin negara yang mempunyai personaliti dan keperibadian unggul.

Seri Paduka bertitah ini diterjemahkan melalui kecemerlangan kepimpinan Perdana Menteri dan bekas Perdana Menteri itu.

"Kedua-duanya bijak dan berwawasan serta amat berdedikasi dan komited terhadap usaha untuk membawa Malaysia menjadi sebuah negara yang maju dan disegani berdasarkan acuan kita sendiri.

"Beta berasa amat bertuah berpeluang menerima khidmat daripada dua orang Perdana Menteri sepanjang tempoh perkhidmatan beta.

"Pengalaman menerima khidmat daripada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyedarkan beta betapa bertuahnya negara ini dan rakyatnya," titah Seri Paduka pada Majlis Santapan Negara sempena perpisahan Seri Paduka yang tempoh sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12 berakhir pada Selasa ini.

Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid turut berangkat.

Abdullah dan timbalannya Datuk Seri Najib Tun Razak, menteri-menteri Kabinet, Dr. Mahathir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, perwakilan negara asing serta pegawai

tinggi kerajaan hadir di majlis itu.

Seri Paduka melahirkan rasa sukacita apabila saban tahun dipersembahkan dengan laporan-laporan ekonomi dan pembangunan negara yang menunjukkan peningkatan yang baik, manakala setiap minggu pula dapat mendengar taklimat serta membincangkan hal ehwal pentadbiran, sebagaimana yang dipersembahkan oleh Perdana Menteri sebelum mesyuarat jemaah menteri.

Tuanku Syed Sirajuddin juga menyatakan rasa sukacita apabila disembang maklum mengenai perancangan untuk pembangunan negara seperti Rancangan Malaysia Kesembilan yang merupakan satu daripada tiga rancangan Malaysia di bawah Misi Nasional yang menetapkan hala tuju pembangunan negara untuk tempoh 15 tahun akan datang.

Di samping itu, titah Seri Paduka penekanan yang besar kepada pembangunan modal insan oleh kerajaan juga merupakan satu perancangan untuk menjadikan rakyat Malaysia sebagai warga yang perkasa dan kompetitif yang bukan sahaja tinggi penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahirannya tetapi juga tinggi nilai akhlak, moral dan etikanya serta sihat dan cergas pula tubuh badannya.

"Tidak ada negara di dalam dunia ini yang mampu mencapai kemajuan dan mencipta kejayaan hanya dengan bergantung kepada inisiatif pemerintah dan pentadbirnya tanpa sokongan dan peranan yang dimainkan oleh

**Kita telah membuktikan kepada dunia bahawa kepelbagaian kita ini bukanlah suatu masalah sebaliknya satu kekuatan dan keunikan kita**

**- Yang di-Pertuan Agong**

warganya.

"Maka jadilah insan yang mulia sebagaimana yang dituntut oleh agama iaitu insan yang berilmu dan berpekerti mulia serta sedar dan patuh terhadap tanggungjawab negara," titah beginda.

Mengenai institusi Yang di-Pertuan Agong, Seri Paduka bertitah, martabat institusi itu harus sentiasa diperkukuhkan kerana Yang di-Pertuan Agong bukan sahaja merupakan tonggak dan lambang kedaulatan institusi beraja di Malaysia, tetapi juga merupakan kepala negara dan lambang taat setia seluruh rakyat Malaysia kepada undang-undang dan perlembagaan.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah, Yang di-Pertuan Agong mempunyai peranan yang lebih daripada sekadar menjadi simbol semata-mata, tetapi boleh dan berupaya menyumbang bakti kepada pertiwi melalui usaha dan pendapat baik secara langsung mahupun tidak.

Titah Seri Paduka, ini adalah untuk menjaga serta memupuk perpaduan di kalangan rakyat, menyokong tindakan kerajaan ke arah memakmurkan negara, mensejahterakan rakyat serta memanjang syiar Islam di

negara ini.

Tuanku Syed Sirajuddin juga berpesan kepada pemimpin serta rakyat Malaysia supaya terus berusaha memupuk, memelihara serta mengeratkan lagi perpaduan.

Seri Paduka akui bukanlah mudah untuk rakyat berbilang kaum duduk dalam keadaan aman dan damai dalam sesebuah negara, namun rakyat Malaysia telah membuktikannya.

"Kita telah membuktikan kepada dunia bahawa kepelbagaian kita ini bukanlah suatu masalah sebaliknya adalah satu kekuatan dan keunikan kita," titah baginda.

Seri Paduka bertitah, setiap rakyat mempunyai peranan yang besar dalam memastikan segala yang dirancang dan dicita-citakan akan terlaksana.

"Kitalah penentu utama jatuh bangun, maju mundur dan jaya gagal negara ini. Sesungguhnya Malaysia adalah hak kita, lambang maruah dan kedaulatan bersama.

"Marilah kita berganding bahu, bersatu dan memainkan peranan masing-masing dengan ikhlas dan komited demi Malaysia yang tercinta," titah Seri Paduka.

- Bernama